

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MUHAMMAD ZAWAWI B. SALLEH
(PASIR PUTEH)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan berkenaan Dr. Zakir Naik dan adakah Kerajaan akan terus melarangnya berdakwah secara umum di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum. Selain itu, terdapat peruntukan untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia telah membuka dua kertas siasatan terhadap pendakwah Dr. Zakir Naik berhubung ceramah beliau di Kelantan pada 7-9 Ogos 2019. Kedua-dua kertas siasatan ini dibuka berdasarkan laporan polis yang telah diterima dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut.

Pada masa ini, Dr. Zakir Naik dilarang memberikan ceramah secara umum sehingga siasatan polis selesai. Beliau juga diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan berkenaan isu-isu politik, perkauman dan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat di Malaysia. Perkara ini adalah bagi mengelakkan isu beliau daripada dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjadi sentimen perkauman dan agama yang berpotensi menjelaskan ketenteraman awam.